

## HEBAHAN PENGISIAN JAWATAN TERBUKA DI JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

### 1. MAKLUMAT KEKOSONGAN JAWATAN DI JPT:

BIL.	JAWATAN	BAHAGIAN
(i)	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Gred 52 (Terbuka)	Bahagian Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi (BPPT)
(ii)	Ketua Penolong Pengarah, Gred 48 (Terbuka)	Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA)

### 2. SYARAT-SYARAT UMUM:

- (i) Pegawai terdiri daripada **warganegara Malaysia**;
- (ii) Pegawai **telah dilantik tetap dan disahkan** dalam perkhidmatan;
- (iii) Mempunyai **prestasi kerja di tahap 90%** dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi **tiga tahun berturut-turut (2020, 2021 dan 2022)**;
- (iv) Mempunyai **kompetensi yang sesuai** dengan bidang tugas yang dimohon;
- (v) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib dan pertuduhan SPRM; dan
- (vi) Pegawai mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit berpanjangan.

### 3. SYARAT-SYARAT KHUSUS:

- (i) Ketua Penolong Pengarah Kanan Gred 52 (Terbuka) dan Ketua Penolong Pengarah Gred 48 (Terbuka) terdiri daripada pegawai yang berada di Gred 52 dan Gred 48 atau setaraf;
- (ii) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) apabila dipinjamkan ke **gred lebih tinggi** hendaklah **telah berkhidmat di gred jawatan hakiki tidak kurang daripada lima (5) tahun** kecuali:
  - (a) memiliki kelayakan akademik di peringkat **ijazah Doktor Falsafah, tidak kurang daripada dua (2) tahun**; atau
  - (b) memiliki kelayakan akademik di peringkat **ijazah Sarjana, tidak kurang daripada tiga (3) tahun**.
- (iii) Mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan Kerajaan dan baki perkhidmatan **sekurang-kurangnya 5 tahun sebelum mencapai tarikh persaraan wajib**.

### 4. KEUTAMAAN DIBERI KEPADA PEMOHON-PEMOHON BERIKUT:

- (i) Mempunyai **perwatakan dan peribadi yang sesuai** dan boleh bekerja dengan pengawasan yang minimum.
- (ii) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan seperti di **Lampiran 1**.
- (iii) Berkemahiran dalam **kerja berpasukan** dan mempunyai komunikasi dengan baik.
- (iv) Berkemahiran dalam **keimpinan, bijak membuat keputusan** dengan pemikiran strategik dan analitikal.
- (v) Pemilihan calon akan diberi **keutamaan** berdasarkan kepada kemahiran dan pengetahuan tambahan lain yang bersesuaian dengan bidang kerja seperti di **Lampiran 1**.

## 5. MAKLUMAT BERKENAAN PERMOHONAN:

- (i) Calon-calun yang berminat untuk memohon hendaklah melengkapkan **Borang Permohonan Pengisian Jawatan Secara Pertukaran Sementara/ Peminjaman** seperti **Lampiran 2** dan mengemukakan **borang permohonan, resume dan senarai tugas terkini pegawai** kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui **e-mel** kepada [asmawati.anuar@mohe.gov.my](mailto:asmawati.anuar@mohe.gov.my) dan [dahliya.haszwani@moe.gov.my](mailto:dahliya.haszwani@moe.gov.my) sebelum atau pada tarikh tutup yang telah ditetapkan.
- (ii) Tarikh Tutup Permohonan: **Sebelum** atau **pada 31 Oktober 2023**.
- (iii) **Temu duga:** Hanya calon yang layak dan disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu duga. Permohonan adalah dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh tutup permohonan.
- (iv) **Keputusan:** Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada calon yang berjaya sahaja.
- (v) Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, boleh dikemukakan kepada **Puan Asmawati binti Anuar** di talian **03-8870 6408** (e-mel: [asmawati.anuar@mohe.gov.my](mailto:asmawati.anuar@mohe.gov.my)) atau **Puan Nurdahliya Haszwani binti Mohd Razali** di talian **03-8870 6412** (e-mel: [dahliya.haszwani@mohe.gov.my](mailto:dahliya.haszwani@mohe.gov.my)) di Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

*Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi*